

PPIB UMS agih Kit Ramadan di Kg Nolotan, Kota Marudu

UB 25-6-2017 A6

Oleh HENRY BATING

KOTA MARUDU: Karib, organisasi kakitangan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), telah melaksanakan program khidmat masyarakat dengan membahagi-bahagikan Kit Ramadan kepada golongan asnaf dan muafad di Kg Nolotan, di sini, baru-baru ini.

Dekan PPIB Prof Madya Dr Jualang @Azlan Gansau berkata program tahunan itu merupakan salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi membantu golongan berkenaan mempersiapkan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

“Program khidmat masyarakat seumpama ini

merupakan yang ketiga diadakan dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini,” katanya.

Beliau menyerahkan Kit Ramadan itu kepada pengurus surau Kg Nolotan untuk dibahagi-bahagikan kepada golongan sasaran yang telah dikenal pasti.

Sebanyak 64 Kit Ramadan berjaya dikumpulkan yang



JUALANG menyampaikan Kit Ramadan kepada pengurus surai Kg Nolotan.

berupa keperluan rumah seperti beras, tepung, minyak masak, garam, gula, minuman ringan dan kuih raya.

Kit Ramadan berupa bakul berisi pelbagai keperluan hidangan itu diperoleh Karib yang dipengerusikan Budi Anto

Mohd Tamring dari pelbagai penyumbang budiman, baik orang perseorangan mahupun sektor perniagaan.

Pelaksanaan program melibatkan rombongan PPIB dari Kota Kinabalu berangkat ke Kg Nolotan Kota Marudu

diselaraskan oleh Veronica Petrus Atin.

Sementara itu, Budi memaklumkan program itu merupakan antara KPI PPIB yang juga medium UMS mendekati masyarakat luar bandar.



JUALANG (kiri) menerima sumbangan yang dikumpulkan Karib untuk dihantar ke Kg Nolotan.